



BUKIT CHANDU

Battle Point 226

Renungan di Bukit Chandu

Renungan di Bukit Chandu adalah sebuah pusat tafsiran Perang Dunia Kedua bagi memperingati pertempuran Pasir Panjang dan Bukit Chandu, askar-askar Rejimen Askar Melayu yang memperjuangkannya, serta sejarah Bukit Chandu itu sendiri. Bertempatkan di dalam sebuah banglo yang berhubung rapat dengan tapak sejarah tersebut, pusat tafsiran ini menggunakan pengalaman imersif dan artifak kontekstual untuk menyuguhkan pelbagai aspek tentang Bukit Chandu dan Pasir Panjang, sambil mengundang pelawat untuk renungi pengalaman negara semasa zaman perang serta pengorbanan besar para askar.

Program Awam

Pada Februari dan September, nikmati pelbagai program istimewa termasuk lawatan dan perbincangan kurator, diadakan sempena memperingati peristiwa penting yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua di Singapura.

Lawatan Sekolah

Lawat dan teroka Renungan di Bukit Chandu bersama murid-murid anda!

Menerusi kisah-kisah peribadi dan objek-objek yang digunakan oleh Rejimen Askar Melayu semasa perang, para murid bakal memahami lebih tentang Rejimen Askar Melayu, dan berpeluang merenungi keberanian dan pengorbanan yang dipaparkan semasa Pertempuran Pasir Panjang. Mereka juga dapat belajar lebih lanjut tentang sejarah tapak tersebut, yang wujud sebelum zaman perang.

Untuk membuat tempahan, hantarkan e-mel kepada NHB_CCMBBC_Programmes@nhb.gov.sg dengan maklumat mengenai lawatan yang anda inginkan. Sumber pendidikan tersedia untuk membantu memandu lawatan anda.

Waktu Operasi

9.30 pagi - 5 petang (Selasa hingga Ahad)
Tutup pada setiap hari Isnin kecuali Cuti Umum
Kemasukan terakhir pada 4.30 petang

Lawatan Berpandu

Lawatan berpandu percuma disediakan mengikut prinsip datang dahulu, didahulukan sehingga maksimum 15 orang, tertakluk kepada ketersediaan pemandu pelancong. Sila lunksuri laman web kami untuk maklumat lanjut.

Hubungi

RBC@nhb.gov.sg

Kami juga Dalam Talian!

www.bukitchandu.gov.sg

[reflectionsatbukitchandu](https://www.facebook.com/reflectionsatbukitchandu)

[reflectionsatbukitchandu](https://www.instagram.com/reflectionsatbukitchandu)

Diuruskan oleh



Disokong oleh



Panduan Pelawat

REFLECTIONS

AT BUKIT CHANDU



Gambar atas: Kilang Pembungkusan Candu di Bukit Chandu, Inisan Perustakaan Persatuan Geografi Amerika, Perustakaan Universiti Wisconsin-Milwaukee



Tentang Bangunan


Banglo ini dibina pada 1930 bersama dengan sekumpulan banglo-banglo lain untuk pekerja kanan British di Kilang Pembungkusan Candu. Walaupun dipergahuti gaya banglo kolonial hitam-putih yang lain, banglo ini juga memiliki unsur-unsur Art Deco yang tersendiri. Pada 1990-an, kepentingan awam menyedabkan banglo ini dipelihara dan diserahkan kepada Arkib Negara untuk digunakan sebagai pusat tafsiran Perang Dunia Kedua. Renungan di Bukit Chandu dibuka pada 15 Februari 2002.



Sokong Kami

Renungan di Bukit Chandu memperingati pertempuran Pasir Panjang pada Februari 1942 dan askar-askar Rejimen Askar Melayu yang memertuakannya. Sokongan anda membantu muzium untuk menyimpan dan menyampaikan kisah-kisah ini agar generasi kini dan masa depan akan terus diberi inspirasi oleh keberanian dan pengorbanan askar-askar ini.

- Buat sumbangan anda melalui giving.sg dengan mengimbas kod QR di atas atau dengan mengimbas kod QR di bahagian bawah.
- Langkah 1: Log masuk ke aplikasi perbancan mudah alih anda.
- Langkah 2: Imbas kod QR PayNow menggunakan aplikasi perbancan mudah alih anda.
- Langkah 3: Masukkan jumlah yang anda mahukan. Masukkan RBC di bawah rujukan dan sahkan pemindahan.



Katalog Pameran

Hasil tulisan para kurator Renungan di Bukit Chandu, katalog dan ikhtisar ini menawarkan pandangan yang lebih intim tentang sejarah dan kisah-kisah Pasir Panjang. Dari sejarah Rejimen Askar Melayu dan Pertempuran Pasir Panjang pada Februari 1942, sehinggalah asal-usul penamaan Bukit Chandu, ketahu kisah silam menarik daerah ini dari awal abad ke-14 hingga sekarang. Katalog boleh didapati melalui kaunter Perkhidmatan Pelawat. 72 muka surat, berkulit lembut (Termasuk GST) ISBN: 978-981-18-1982-7



Beli-belah bersama kami



Lunksuri penerbitan kami dan barangan rekaan yang diilhamkan oleh koleksi muzium menerusi peranti anda. Buat pilihan dan pergi ke kaunter Perkhidmatan Pelawat untuk membuat pembelian. Setiap pembelian di kedai membantu untuk menyokong muzium dan pameran kami.

Bukit Chandu: Titik Pertempuran 226

Rejimen Askar Melayu dimulakan sebagai “kompeni eksperimen” merangkumi seramai 25 rekrut pada 1933. Dalam tempoh 10 tahun, ia menjadi rejimen terlatih seramai hampir 1,400 orang askar. *Bukit Chandu: Titik Pertempuran 226* mengisahkan asal-usul Rejimen Askar Melayu dari permulaan sehinggalah saat-saat terakhir mereka menentang pihak Jepun di Pertempuran Pasir Panjang pada 1942.

1 Rejimen Askar Melayu

Dalam seksyen ini, terokai asal-usul dan pembentukan Rejimen Askar Melayu, dari peralatan yang mereka gunakan kepada seragam khas yang direka untuk mereka, dan lihatlah rakaman rejimen sebelum perang dan wira perang Leftenan Adnan Saidi.



2 Masuk Bertempur

Apabila tercetusnya perang dalam rantau ini pada 1941, Rejimen Askar Melayu ke barisan hadapan. Seksyen ini menceritakan kisah rejimen semasa pertahanan Malaya dan Singapura, yang membawa kepada pertempuran Bukit Chandu pada Februari 1942.



3 Setelah Pertempuran

Tatkala Singapura menyerah kalah, lebih daripada 100 orang askar Rejimen Askar Melayu telah terkorban di medan perang. Segelintir juga dibunuh kerana enggan menanggalkan seragam mereka apabila diperintahkan melakukan sedemikian oleh askar Jepun setelah menyerah kalah. Seksyen ini memberi penghormatan kepada askar-askar yang memperkasakan cogan kata rejimen, *Ta'at Setia*, hingga ke hujung nyawa.



Galeri Aras 1



Galeri Aras 2



4 Membungkus Candu



Bukit Chandu dinamakan sempena Kilang Pembungkusan Candu yang pernah wujud di kaki bukit. Di galeri ini, pelajari lebih lanjut tentang sejarah penghasilan candu di Singapura serta kehidupan di Kilang Pembungkusan Candu, dan juga bahaya yang disebabkan oleh ketagihan candu dan usaha untuk menanganinya.

6 Di Atas Laman



Untuk berabad-abad lamanya, Pasir Panjang merupakan sebahagian landskap Singapura. Menerusi dua pemasangan seni yang terletak di luar banglo ini, pelajari tentang mercu tanda setempat Longyamen (“pintu gerbang gigi naga” dalam bahasa Mandarin) dan ladang nenas yang dulu terdapat di kawasan ini.

5 Ruang Rehat



Renungan di Bukit Chandu ditempatkan dalam sebuah banglo yang dahulunya dibina untuk salah seorang pegawai kanan British di Kilang Pembungkusan Candu. Terokai lebih lanjut tentang bangunan ini dan kawasan sekitarnya di ruang rehat, di mana bekas penghuni rumah ini pernah menikmati hembusan angin laut serta pemandangannya.

7 Arca Rejimen Askar Melayu



Arca ini, yang memaparkan pasukan mortir Rejimen Askar Melayu, adalah sebagai tanda peringatan keberanian, pengorbanan dan keperwiraan askar-askar tersebut semasa Perang Dunia Kedua.

Chatbot untuk lebih banyak lagi



Nikmati lawatan audio eksklusif, kapsyen pameran dalam pelbagai bahasa dan lungsuri barang dagangan Renungan di Bukit Chandu dari telefon anda bersama chatbot kami! Dengarkan panduan audio kami, yang akan membawa anda dari pantai Pasir Panjang hingga saat-saat akhir Rejimen Askar Melayu. Anda juga boleh melihat cadangan bagi tapak Perang Dunia Kedua terdekat untuk diterokai. Anda hanya perlu imbas kod QR (kiri) dan berbuai!

Maklumat Am

Kesejahteraan para pelawat dan kakitangan kami adalah keutamaan kami. Bagi memberikan pengalaman yang menyenangkan untuk semua dan untuk melindungi koleksi negara kami, sila patuhi perkara-perkara berikut:



Renungan di Bukit Chandu komited untuk memastikan pengalaman muzium yang boleh diakses dan dinikmati semua. Hubungi pegawai perkhidmatan pelawat kami untuk ketahu lebih lanjut mengenai **kemudahan dan khidmat mesra-akses kami***!

* Semua galeri dan kemudahan boleh diakses dengan kerusi roda dan kereta sorong. Kerusi roda manual terhad juga boleh didapati di kaunter Perkhidmatan Pelawat. Kapsyen pameran tersedia dalam fon besar dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu, Tamil dan Jepun di platform interaktif mudah alih kami juga.

Semua maklumat adalah tepat pada masa percetakan. Hak cipta terpelihara. Bahan-bahan dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula secara sebahagian atau keseluruhan tanpa kebenaran bertulis daripada penerbitnya, Renungan di Bukit Chandu. © Hak Cipta 2023.